



**TAWARAN BIASISWA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA
MUDA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM NEGARA
BAGI SESI 2008/2009**

1. Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar yang telah mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda mulai Sesi 2008/2009 dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian (tahun 2 dan ke atas) di institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta (Universiti Teknologi Petronas, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Multimedia sahaja) untuk mendapatkan biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Program dan institusi-institusi yang ditaja adalah seperti berikut:

PROGRAM	INSTITUSI
Ijazah/Diploma (IPTA)	Universiti Darul Iman (UDM) Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Universiti Malaya (UM) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Universiti Sains Malaysia (USM) Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Universiti Utara Malaysia (UUM) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

PROGRAM	INSTITUSI
Ijazah/Diploma (IPTS)	Universiti Multimedia (MMU) Universiti Teknologi Petronas (UTP) Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

(a) Syarat-syarat Asas

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) umur tidak melebihi 25 tahun pada 1 Julai 2008; dan
- (iii) telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian (bagi kemasukan November/Disember Sesi 2007/2008 atau Semester Satu Sesi 2008/2009) dari mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan seperti yang disenaraikan **di perenggan 2 di atas; atau** sedang mengikuti pengajian di tahun 2 dan ke atas di mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan seperti yang disenaraikan **di perenggan 2 di atas.**

(b) Syarat Khusus (Kelayakan Akademik)

Pemohon yang sedang mengikuti pengajian **atau** pemohon yang telah diterima masuk ke institusi pengajian tinggi seperti yang disenaraikan di perenggan 2 sama ada di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda perlu mempunyai salah satu kelayakan akademik seperti berikut:

- (i) Pelajar Baru di Tahun Pertama Semester Satu Sesi 2008/2009

BIL.	KELAYAKAN	PENCAPAIAN (MINIMUM)
1.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Gred 2A dalam 7 mata pelajaran
2.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	Prinsipal B dalam 4 mata pelajaran
3.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (di samping mempunyai SPM)	4 Mumtaz dan 5 Jayyid Jiddan
4.	Sijil Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan IPTA	CGPA 3.30
5.	Sijil Pra-Universiti/ <i>Foundation/Alpha/</i> Diploma	CGPA 3.50

- (ii) Pelajar di Tahun Pertama Semester November/Disember Sesi 2007/2008

BIL.	KELAYAKAN	PENCAPAIAN (MINIMUM)
1.	Keputusan Peperiksaan Semester November/Disember Sesi 2007/2008	GPA 3.30

- (iii) Pelajar Tahun Kedua dan Ke Atas Semester Satu Sesi 2008/2009

BIL.	BIDANG	PENCAPAIAN (MINIMUM)
1.	Perubatan Pergigian Farmasi Perubatan Veterinar	Lulus
2.	Bidang-bidang tajaan lain	CGPA 3.30

4. BIDANG TAJAAN

BIL.	BIDANG	CONTOH
1.	Perubatan	Perubatan, Pergigian, Farmasi, Perubatan Veterinar
2.	Sains Tulen	Fizik, Kimia, Biologi, Matematik, Sains Hayat
3.	Sains Gunaan	Pertanian, Perhutanan, Bioteknologi/ Sains Makanan, Perikanan/Sains Samudera, Alam Sekitar, Teknologi Maklumat
4.	Teknologi	Kejuruteraan, Teknologi Industri, Seni Bina, Ukur Bahan/Tanah, Perancangan Bandar dan Wilayah
5.	Sastera	Sastera Dan Sains Sosial, Pengajian Islam/Syariah/Usuluddin, Kemanusiaan/ Kemasyarakatan, Komunikasi, Bahasa, Sains Pembangunan, Ilmu Teras

BIL.	BIDANG	CONTOH
6.	Sastera Ikhtisas	Ekonomi/Perniagaan Tani, Pengurusan Perniagaan/Pentadbiran Awam, Perakaunan, Undang-undang, Pengajian Kuantitatif, Pengurusan, Sains Perpustakaan dan Maklumat

5. KURSUS PERUBATAN/PERGIGIAN/FARMASI/PERUBATAN VETERINAR

Calon-calon yang mendapat tawaran kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam bagi kursus perubatan, pergigian, farmasi dan perubatan veterinar di peringkat ijazah tidak tertakluk kepada syarat-syarat khusus di perenggan 3(b) di atas.

6. CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- (i) Pelajar-pelajar yang **tidak memenuhi syarat-syarat** kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
- (ii) Pelajar-pelajar yang telah mempunyai Ijazah Pertama, Diploma Lulusan Ijazah atau diploma anjuran sesebuah jabatan/agensi.
- (iii) Kursus-kursus yang **berkaitan dengan pendidikan** seperti **Kursus Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan**.
- (iv) Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus peringkat Matrikulasi / Asasi Sains / Pra Universiti / *Alpha* / *Foundation*.
- (v) Pelajar/pegawai yang mengikuti program/kursus **jarak jauh/separuh masa**.

7. KADAR BIASISWA

JENIS ELAUN	ELAUN SARA HIDUP (SETAHUN)		ELAUN BUKU (SETAHUN)	ELAUN ALAT PERKAKAS (SETAHUN)	ELAUN TESIS (SEKALI SAHAJA)	ELAUN KERTAS PROJEK (SETAHUN)	ELAUN LATIHAN AMALI (SEHARI)	YURAN** PENGAJIAN (SETAHUN)
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Kadar A*	Kadar B*						
Diploma								
(a) Sastera	7,560	6,426	400	50	-	150	-	IPTA - 966 UITM - 400
(b) Sains	7,560	6,426	400	100	-	150	-	
(c) Teknologi	7,560	6,426	400	150	-	150	-	
(d) Senibina	7,560	6,426	400	250	-	150	-	
(e) Perubatan Bersekutu	7,560	6,426	400	250	-	150	-	
Ijazah Pertama								
(a) Sastera	8,400	7,140	600	100	300	150	10	1,020.00
(b) Sains	8,400	7,140	600	200	300	150	10	1,100.00
(c) Teknologi	8,400	7,140	600	300	300	150	10	1,240.00
(d) Senibina	8,400	7,140	600	500	300	150	10	1,320.00
(e) Perubatan								
(i) Veterinar	8,400	7,140	1,000	500	300	150	10	1,700.00
(ii) Perubatan, Farmasi, Pergigian	9,240	7,854	1,000	500	300	150	10	1,800.00

Tambang Kapal Terbang (Dua Hala) Peringkat Diploma/Ijazah Setahun:

- Pelajar Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya - RM700.00
- Pelajar Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya - RM1,000.00
- Pelajar Labuan ke Sarawak dan sebaliknya - RM400.00
- Pelajar Labuan ke Sabah dan sebaliknya - RM100.00
- Pelajar Sarawak ke Sabah dan sebaliknya - RM500.00

Catatan:

- *1. Kadar A adalah bagi kawasan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Perai, Johor Bahru, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya, Klang, Kajang, Selayang, Sepang, Sabah dan Sarawak.
2. Kadar B adalah bagi kawasan-kawasan selain di perenggan (1).

Kadar yuran pengajian peringkat ijazah adalah untuk semua IPTA **kecuali UiTM. Kadar yuran pengajian bagi UiTM peringkat ijazah adalah sama seperti peringkat diploma, iaitu sebanyak RM400.00, manakala yuran pengajian bagi IPTS pula adalah bergantung kepada kadar yang ditetapkan oleh IPTS berkenaan.

8. TEMPOH KONTRAK

Pemohon yang menerima tawaran biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dikehendaki berkhidmat dengan kerajaan dan sekiranya enggan, tuntutan ganti rugi akan dikenakan. Tempoh berkhidmat dengan Kerajaan dan amaun tuntutan ganti rugi adalah seperti di bawah:

PERINGKAT/TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN		AMAUN GANTI RUGI (RM)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	IPTA	IPTS
Peringkat Diploma:				
3 tahun atau kurang	3	5	70,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 3 tahun	4	6	100,000	
Peringkat Ijazah:				
4 tahun atau kurang	4	6	110,000	} Kos Sebenar
Lebih dari 4 tahun	5	7	130,000	
Kursus Perubatan dan Pergigian	-	10	250,000	

***Catatan:** Kursus profesional meliputi kursus-kursus seperti perubatan, pergigian, farmasi, perubatan veterinar, kejuruteraan, seni bina, perakaunan, kejururawatan, undang-undang, penilaian harta, ukur bahan dan ukur tanah.

9. CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara atas talian (*on-line*) sahaja. Permohonan adalah percuma. Cara memohon adalah seperti berikut:

- (i) pemohon boleh mengemukakan permohonan mulai tarikh iklan dikeluarkan dengan melayari <http://esilav2.jpa.gov.my> atau <http://www.jpa.gov.my>;
- (ii) pemohon dibenarkan menghantar satu permohonan sahaja tetapi dibenarkan mengakses sebanyak 3 kali untuk mengemaskini atau meminda sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya permohonan yang terkini sahaja diambil kira sebagai penerimaan permohonan;
- (iii) borang permohonan atas talian yang dimuat turun, dicetak dan dihantar melalui pos **tidak akan diproses**;
- (iv) permohonan secara atas talian tidak memerlukan penghantaran salinan sijil-sijil, kecuali dinyatakan dalam “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2008”;
- (v) pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan **mencetak “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2008” sebagai bukti permohonan telah dibuat**;
- (vi) Pertanyaan mengenai **masalah teknikal** semasa mengisi borang permohonan atas talian boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8885 3550, 03-8885 3559 atau 03-8885 3529. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat); dan
- (vii) pertanyaan mengenai **program tajaan** boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8885 3049 (10 talian) pada setiap hari bekerja mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang atau e-mel di alamat esila@jpa.gov.my.

10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **13 Julai 2008 (Ahad)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

TAMAT